

10 JUN 2001

Mahathir-Kehakiman

KERAJAAN SUKAR CAMPUR TANGAN DALAM BIDANG KEHAKIMAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sukar mencampuri urusan kehakiman di negara ini kerana ia adalah sebuah badan bebas dalam sistem pemerintahan negara.

Beliau berkata jika kerajaan mengganggu para hakim, mereka akan menganggap kerajaan sebagai campur tangan dalam bidang kehakiman.

"Ia sangat sukar bagi kami, ia adalah perkara yang sangat sensitif, hakim-hakim sangat mengutamakan tentang kebebasan mereka sehingga kadang-kadang mereka melangkah batasan-batasan tertentu," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang, di sini.

Perdana Menteri, yang kembali daripada lawatan empat hari ke Jepun, ditanya sama ada pihak berkuasa yang berkaitan perlu menyiasat dakwaan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu Datuk Muhammad Kamil Awang pada Jumaat lepas bahawa beliau menerima arahan melalui telefon supaya menolak petisyen-petisyen pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Likas di Sabah tanpa perbicaraan.

Ketika ditanya mengenai dakwaan hakim itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham, saya tidak memberikan sebarang arahan, saya tidak tahu mungkin orang lain yang memberikan arahan... mungkin sesetengah orang dari mahkamah yang sama mungkin boleh beri arahan, saya tidak tahu."

Jumaat lepas, Muhammad Kamil mengisytiharkan keputusan pilihan raya DUN Likas pada 13 Mac 1999 sebagai tidak sah dan terbatal berikutan dua petisyen pilihan raya oleh dua calon yang tewas.

Pada pilihan raya negeri 13 Mac 1999, Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee mengekalkan kerusi DUN Likas, yang disandangnya sejak April 1985, mengalahkan lima calon lain termasuk bekas ketua menteri Datuk Harris Salleh dari Bersekutu, dengan majoriti 4,962 undi.

Muhammad Kamil, semasa memberi penghakimannya mengenai kes itu, berkata beliau menerima panggilan supaya membatalkan petisyen-petisyen itu.

Dr Mahathir berkata pemerintahan di Malaysia dibahagikan kepada tiga iaitu pihak yang membuat undang-undang, pihak yang mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang serta pihak yang menjadi pengadil berkenaan dengan undang-undang.

"Kita sudah bahagi tugas ini sebagai satu cara semak dan timbang.

"Kalau orang yang menggubal undang-undang nak jadi hakim susahlah, ataupun kalau pentadbir nak jadi penggubalpun susah, kalau hakim nak jadi penggubal undang-undangpun susah.

"Kalau jadi macam itu, ada pertindihan dalam bidangkuasa masing-masing, saya khuatirlah pentadbiran negara akan jadi kucar kacir," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau cuma memberi penjelasan mengenai sistem perasingan kuasa yang diamalkan di negara ini dan tidak membuat sebarang andaian mengenai bidang kehakiman di negara ini.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa keputusan-keputusan mahkamah yang memihak kepada pihak pembangkang kini bermakna kemunculan semula kebebasan kehakiman di negara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan memang suka melihat kebebasan kehakiman di negara ini.

Beliau berkata mahkamah memang mempunyai kebebasan dan banyak juga keputusan mahkamah sebelum ini tidak memihak kepada kerajaan dan parti kerajaan sehingga Umno sendiri pada suatu masa dahulu pernah diharamkan oleh keputusan mahkamah.

Bagaimanapun, katanya kebebasan kehakiman bukan bermakna mengambil

tugas (peranan) orang lain.

"Kalau kebebasan bermakna menentang kerajaan, itupun bukan kebebasan, itu memihak kepada parti lawan.

"Saya dengar kadang-kadang dalam mahkamah, parti lawan boleh menjerit, tak ada siapa tegurpun, selalunya ia adalah bentuk yang menghina mahkamahlah. Tapi saya tahu parti lawan, ia boleh buat apa-apapun dalam sesetengah mahkamah, kalau kerajaan, tak boleh silap sikit," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY AFY NAK